338 A

BERSATU DAN SETIA

NEGERI PULAU PINANG

# ANGKAT SUMPAH



## AHLI DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG

## MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA DEWAN UNDANGAN NEGERI YANG KESEBELAS

**15 APRIL 2004 (KHAMSI)**

DIKELUARKAN OLEH
UNIT DEWAN UNDANGAN NEGERI
PULAU PINANG

NEGERI PULAU PINANG

# ANGKAT SUMPAH

## AHLI DEWAN UNDANGAN NEGERI
## PULAU PINANG

## MESYUARAT PERTAMA
## PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA
## DEWAN UNDANGAN NEGERI
## YANG KESEBELAS

**15 APRIL2004 (Khamis)**

DIKELUARKAN OLEH
UNIT DEWAN UNDANGAN NEGERI
PULAU PINANG

*Laporan Persidangan*

# DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KESEBELAS

## MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA.

---

| | | |
|---|---|---|
| *Hari* | : | *15 April 2004 (Khamis)* |
| *Tempat* | : | *Dewan Undangan Negeri,<br>Lebuh Light, Pulau Pinang* |
| *Jam* | : | *9.30 pagi* |

---

**HADIR:**

Yang Berhormat Dato' Haji Yahaya bin Abdul Hamid - Speaker
Ahli Kawasan Tanjung Bunga (Y.A.B. Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon) - Ketua Menteri
Ahli Kawasan Sungai Bakap (Y.B. Dato' Haji Abdul Rashid bin Abdullah) – Timbalan Ketua Menteri
Setiausaha Kerajaan Negeri (Y.B. Dato' Khalid bin Ramli)
Ahli Kawasan Pulau Tikus (Y.B. Dato' Dr. Teng Hock Nan)
" Seri Delima (Y.B. Dato' Koay Kar Huah)
" Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim)
" Machang Bubuk (Y.B. Dato' Dr. Toh Kin Woon)
" Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara bt. Hamid)
" Berapit (Y.B. Encik Lau Chiek Tuan)
" Bagan Dalam (Y.B. Encik Subbaiyah a/l Palaniappan)
" Padang Kota (Y.B. Encik Teng Chang Yeow)
" Bayan Lepas (Y.B. Tuan Syed Amerruddin bin Dato' Haji Syed Ahmad)
" Air Putih (Y.B. Encik Lye Siew Weng) – Timbalan Speaker
" Perai (Y.B. Dato' Dr. Rajapathy a/l Kuppusamy)
" Paya Terubong (Y.B. Dato' Dr. Loh Hock Hun)
" Bertam (Y.B. Dato' Hilmi bin Haji Abdul Rashid)
" Bukit Tambun (Y.B. Encik Lai Chew Hock)

Ahli Kawasan Komtar (Y.B. Encik Lim Gim Soon)
" Sungai Dua (Y.B. Encik Jasmin bin Mohamed)
" Bukit Tengah (Y.B. Puan Ng Siew Lai)
" Jawi (Y.B. Puan Tan Cheng Liang)
" Pengkalan Kota (Y.B. Encik Lee Hack Teik)
" Sungai Pinang (Y.B. Encik Looi Swee Cheang)
" Penanti (Y.B. Dato' Abdul Jalil bin Abdul Majid)
" Air Itam (Y.B. Encik Cheang Chee Gooi)
" Pinang Tunggal (Y.B. Dato' Roslan bin Saidin)
" Bagan Jermal (Y.B. Encik Ooi Chuan Aik)
" Pantai Jerejak (Y.B. Encik Wong Mun Hoe)
" Seberang Jaya (Y.B. Encik Arif Shah bin Omar Shah)
" Sungai Acheh (Y.B. Encik Mohd. Foad bin Hj. Mat Isa)
" Datok Keramat (Y.B. Encik Ong Thean Lye)
" Permatang Berangan (Y.B. Encik Shabudin bin Yahaya)
" Kebun Bunga (Y.B. Encik Quah Kooi Heong)
" Pulau Betong (Y.B. Encik Mohamad Farid bin Saad)
" Batu Uban (Y.B. Encik Goh Kheng Sneah)
" Batu Maung (Y.B. Ir. Mansor bin Musa)
" Batu Lancang (Y.B. Encik Ng Fook Onn)
" Telok Bahang (Y.B. Puan Faridah bt. Arshad)
" Padang Lalang (Y.B. Encik Tan Teik Cheng)
" Sungai Puyu (Y.B. Encik Phee Boon Poh)
" Permatang Pasir (Y.B. Encik Mohd. Hamdan bin Abd. Rahman)

**TIDAK HADIR**

Penasihat Undang–undang Negeri (Y.B. Dato' Hinshawati bt. Shariff)
Pegawai Kewangan Negeri (Y.B. Encik Ng Kam Cheung)

**TURUT HADIR**

Encik Kasim bin Md. Isa - Setiausaha Dewan Undangan Negeri

*Dewan bersidang pada jam 9.30 pagi.*

**Setiausaha:**

Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Pertama Dewan Undangan Negeri Yang Kesebelas dimulakan sekarang.

**DOA.**

**Setiausaha:**

Ahli-ahli Yang Berhormat Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri telah menetapkan 15 April 2004 sebagai hari permulaan Mesyuarat Pertama Penggal Yang Pertama Dewan Undangan Negeri Yang Kesebelas melalui pengistiharan bertarikh 5 April 2004 yang diwartakan pada 8 April 2004. Mesyuarat akan bersidang sehingga semua urusan mesyuarat selesai.

Pemilihan Speaker:

**YAB. Ketua Menteri:**

Tuan Setiausaha, mengikut Peraturan 1, Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, saya mencadangkan suapaya Y.Bhg. Dato' Haji Yahaya bin Abdul Hamid dipilih menjadi Speaker Dewan ini. Y.Bhg. Dato' telah menyatakan bahawa beliau sanggup berkhidmat sebagai Speaker sekiranya dipilih. Kini saya serahkan surat berkenaan daripada Y.Bhg. Dato' Haji Yahaya bin Abdul Hamid.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Dato' Koay Kar Huah)**

Tuan Setiausaha, saya menyokong cadangan ini.

**Setiausaha:**

Terima kasih. Adakah cadangan-cadangan lain untuk jawatan Speaker? Kalau tidak, saya mengisytiharkan Y.B. Dato' Haji Yahaya bin Abdul Hamid dipilih sebagai Speaker Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang. Sekarang dijemput Y.B. Dato' Haji Yahaya bin Abdul Hamid mara ke hadapan untuk mengangkat sumpah sebagaimana yang tertera di dalam Jadual Pertama kepada Perlembagaan Negeri Pulau Pinang dan seterusnya menandatangani surat sumpah tersebut.

**Angkat Sumpah Oleh Dato' Speaker:**

"Saya, Dato' Haji Yahaya bin Abdul Hamid, setelah dilantik memegang jawatan Speaker, adalah dengan ini mengangkat sumpah dengan sesungguhnya bahawa saya akan menunaikan kewajipan-kewajipan jawatan itu dengan jujur dengan segala daya upaya saya, bahawa saya akan menumpah taat setia yang sebenar kepada Negeri Pulau Pinang dan Malaysia dan akan memelihara, melindungi serta mempertahankan Perlembagaan Negeri Pulau Pinang."

Seterusnya YB. Speaker menandatangani surat sumpah.

**Setiausaha:**

Yang Berhormat Dato' Speaker dijemput ke kerusi Speaker. Ucapan oleh Y.B. Dato' Speaker.

**YB. Dato' Speaker:**

Assalamualaikum w.b.t. dan salam sejahtera. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih di atas kepercayaan Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan kepada saya untuk memimpin Dewan yang mulia ini. Saya akan berusaha untuk menjalankan tugas-tugas dan kewajipan-kewajipan jawatan yang penting ini dengan seberapa yang sempurna demi menegakkan perlembagaan negeri dan memastikan Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri dipatuhi. Ahli-ahli Yang Berhormat terlebih dahulu saya suka mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua Yang Berhormat di atas pemilihan sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang dalam Pilihanraya Umum Kesebelas yang lalu. Kelicinan perjalanan mesyuarat Dewan adalah bergantung kepada dua faktor utama. Pertama, adalah kemantapan peraturan-peraturan mesyuarat, dan kedua, setiap Ahli Dewan mematuhi peraturan-peraturan mesyuarat yang diwujudkan.

Antara tugas-tugas yang akan saya utamakan ialah penelitian semula peraturan-peraturan mesyuarat Dewan supaya selaras dengan keperluan-keperluan semasa dan peraturan-peraturan Parlimen serta Dewan-dewan Undangan Negeri yang lain. Memandangkan bahawa ramai ADUN-ADUN yang baru, maka saya berharap Yang Berhormat-Yang Berhormat berusaha mendalami dan mematuhi peraturan-peraturan yang ada agar setiap persidangan Dewan dapat berjalan dengan lancar dan semua urusan mesyuarat dapat disempurnakan dengan jayanya. Kita boleh berbangga kerana kita telah berjaya melaksanakan sistem demokrasi berparlimen di negara ini melalui pilihan raya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah diberi keyakinan dan kepercayaan oleh rakyat untuk mewakili kepentingan mereka dalam Dewan yang mulia ini. Kita perlu mendukung undang-undang yang dibuat dan kita mempunyai tanggungjawabn untuk bersama-sama meneliti, membahas dan mencapai satu penemuan dalam isu-isu penting demi faedah Dewan dan rakyat Negeri Pulau Pinang. Kita perlu memenuhi kewajipan ini dengan penuh disiplin, berintergriti dan bertanggungjawab tanpa mengira kedudukan dan parti politik. Akhir kata saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat.

**Setiausaha:**

Angkat sumpah oleh Ahli-ahli Dewan.

**YB. Dato' Speaker:**

YB. Dato' Speaker telah menjemput Ahli-ahli berikut mengakat sumpah dan menandatangi Surat Sumpah:-

Ahli Kawasan Tanjung Bunga
(Y.A.B. Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon)
Ahli Kawasan Sungai Bakap
(Y.B. Dato' Haji Abdul Rashid bin Abdullah)
Ahli Kawasan Pulau Tikus
(Y.B. Dato' Dr. Teng Hock Nan)
Ahli Kawasan Seri Delima
(Y.B. Dato' Koay Kar Huah)
Ahli Kawasan Penaga
(Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim)
Ahli Kawasan Machang Bubuk
(Y.B. Dato' Dr. Toh Kin Woon)
Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar
(Y.B. Dato' Hajah Jahara bt. Hamid)

Ahli Kawasan Berapit
(Y.B. Encik Lau Chiek Tuan)
Ahli Kawasan Bagan Dalam
(Y.B. Encik Subbaiyah a/l Palaniappan)
Ahli Kawasan Padang Kota
(Y.B. Encik Teng Chang Yeow)
Ahli Kawasan Bayan Lepas
(Y.B. Tuan Syed Amerruddin bin Dato' Haji Syed Ahmad)
Ahli Kawasan Air Putih
(Y.B. Encik Lye Siew Weng)
Ahli Kawasan Perai
(Y.B. Dato' Dr. Rajapathy a/l Kuppusamy)
Ahli Kawasan Paya Terubong
(Y.B. Dato' Dr. Loh Hock Hun)
Ahli Kawasan Bertam
(Y.B. Dato' Hilmi bin Haji Abdul Rashid)
Ahli Kawasan Bukit Tambun
(Y.B. Encik Lai Chew Hock)
Ahli Kawasan Komtar
(Y.B. Encik Lim Gim Soon)
Ahli Kawasan Sungai Dua
(Y.B. Encik Jasmin bin Mohamed)
Ahli Kawasan Bukit Tengah
(Y.B. Puan Ng Siew Lai)
Ahli Kawasan Jawi
(Y.B. Puan Tan Cheng Liang)
Ahli Kawasan Pengkalan Kota
(Y.B. Encik Lee Hack Teik)
Ahli Kawasan Sungai Pinang
(Y.B. Encik Looi Swee Cheang)
Ahli Kawasan Penanti
(Y.B. Dato' Abdul Jalil bin Abdul Majid)
Ahli Kawasan Air Itam
(Y.B. Encik Cheang Chee Gooi)
Ahli Kawasan Pinang Tunggal
(Y.B. Dato' Roslan bin Saidin)
Ahli Kawasan Bagan Jermal
(Y.B. Encik Ooi Chuan Aik)
Ahli Kawasan Pantai Jerejak
(Y.B. Encik Wong Mun Hoe)
Ahli Kawasan Seberang Jaya
(Y.B. Encik Arif Shah bin Omar Shah)
Ahli Kawasan Sungai Acheh
(Y.B. Encik Mohd. Foad bin Hj. Mat Isa)

Ahli Kawasan Datok Keramat
(Y.B. Encik Ong Thean Lye)
Ahli Kawasan Permatang Berangan
(Y.B. Encik Shabudin bin Yahaya)
Ahli Kawasan Kebun Bunga
(Y.B. Encik Quah Kooi Heong)
Ahli Kawasan Pulau Betong
(Y.B. Encik Mohamad Farid bin Saad)
Ahli Kawasan Batu Uban
(Y.B. Encik Goh Kheng Sneah)
Ahli Kawasan Batu Maung
(Y.B. Ir. Mansor bin Musa)
Ahli Kawasan Batu Lancang
(Y.B. Encik Ng Fook Onn)
Ahli Kawasan Telok Bahang
(Y.B. Puan Faridah bt. Arshad)
Ahli Kawasan Padang Lalang
(Y.B. Encik Tan Teik Cheng)
Ahli Kawasan Sungai Puyu
(Y.B. Encik Phee Boon Poh)
Ahli Kawasan Permatang Pasir
(Y.B. Encik Mohd. Hamdan bin Abd. Rahman)

**Y.B. Dato' Speaker:**

Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan ini selesailah sudah Upacara Mengangkat Sumpah Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri.

**Setiausaha:**

Pemilihan Timbalan Speaker.

**YB. Timbalan Ketua Menteri:**

Y.B. Dato' Speaker, saya mencadangkan supaya Yang Berhormat Ahli dari Kawasan Air Putih, iaitu Yang Berhormat Encik Lye Siew Weng dipilih menjadi Timbalan Speaker Dewan ini. Yang Berhormat Ahli dari Kawasan Air Putih telah menyatakan bahawa beliau sanggup berkhidmat sebagai Timbalan Speaker sekiranyua dipilih. Kini, saya serahkan surat berkenaan daripada Y.B. Encik Lye Siew Weng.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (Y.B. Encik Subbiuah a/l Palaniappan):**

Y.B. Dato' Speaker, saya menyokong cadangan ini.

**YB. Dato' Speaker:**

Terima kasih. Adakah cadangan-cadangan yang lain untuk jawatan Timbalan Speaker? Kalau tidak, saya mengisytiharkan Y.B. Ahli Kawasan Air Putih dipilih sebagai Timbalan Speaker Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang. Sekarang dijemput Y.B. Encik Lye Siew Weng mara ke hadapan untuk mengangkat sumpah dan seterusnya menandatangani surat sumpah tersebut.

**Setiausaha:**

Mengangkat sumpah oleh Timbalan Speaker.

**YB. Timbalan Speaker:**

"Saya, Lye Siew Weng setelah dilantik memegang jawatan Timbalan Speaker, adalah dengan ini mengangkat sumpah dengan sesungguhnya bahawa saya akan menunaikan kewajipan-kewajipan jawatan itu dengan jujur dengan segala daya upaya saya, bahawa saya akan menumpahkan taat setia yang sebenar kepada Negeri Pulau Pinang dan Malaysia dan akan memelihara, melindungi serta mempertahankan Perlembagaan Negeri Pulau Pinang."

**YB. Dato' Speaker:**

Y.B. Timbalan Speaker dijemput ke kerusi Timbalan Speaker.

**YAB. Ketua Menteri:**

Y.B. Dato' Speaker, saya mohon mencadangkan supaya Dewan ini ditangguh sekarang.

**YB. Timbalan Ketua Menteri:**

Y.B. Dato' Speaker, saya memohon menyokong.

**Setiausaha:**

Ahli-ahli Yang Berhormat, Y.A.B. Ketua Menteri telah mencadangkan Dewan ini ditangguhkan dan usul telah mendapat sokongan.

**YB. Dato' Speaker:**

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan ke suatu tarikh yang akan dimaklumkan kemudian.

***Dewan ditangguhkan pada jam 11.00 pagi.***